

# 'Najib tidak tunjuk usaha wajar dapatkan dokumen'

BERITA HARIAN 03 JUL 2025

m/s: 15

## Titah Adendum kurang kesahihan kerana tiada cap mohor rasmi atau tandatangan Sultan Pahang

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Putrajaya:** Mahkamah Persekutuan semalam diberitahu, Datuk Seri Najib Razak mempunyai peluang untuk mendapatkan bukti tambahan (Titah Adendum) ketika memohon kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman, sekiranya usaha wajar sudah dilakukan.

Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar dalam hujahannya, berkata bagaimanapun bekas Perdana Menteri itu gagal menunjukkan sebarang bukti usaha wajar diambil untuk mendapatkan dokumen berkenaan.

Titah Adendum itu dikatakan diperkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16 yang membolehkan Najib yang juga bekas Ahli Parlimen Pekan menjalani baki hukuman penjaranya di ba-

wah tahanan rumah, bersabit kesalahan penyelewengan dana SRC International RM42 juta.

"Jelas bahawa anak responden, Datuk Mohamad Nizar, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, boleh sahaja mendapatkan adendum itu melalui usaha wajar yang munasabah, memandangkan beliau kerap menghadiri mesyuarat dan menghadap Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Namun, adendum itu hanya diperoleh selepas keputusan Mahkamah Tinggi (yang menolak kebenaran bagi memulakan semakan kehakiman Najib)," katanya.

### Prosiding rayuan

Mohd Dusuki berkata demikian pada prosiding rayuan Peguam Negara terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang membenarkan rayuan Najib untuk memulakan prosiding semakan kehakiman berhubung Titah Adendum di Mahkamah Tinggi dan mengemuka bukti baharu.

Bukti baharu itu membabitkan affidavit Mohamad Nizar yang memasukkan sesalinan Titah Adendum diterimanya dari Pejabat Ke-

Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, yang pada mulanya dilarang untuk digunakan tanpa perkenan Sultan Pahang.


Sementara itu, Mohd Dusuki berkata, Titah Adendum itu kekurangan kesahihan rasmi kerana tidak mempunyai cap mohor rasmi atau tandatangan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Katanya, dokumen itu juga dialamatkan kepada bekas Peguam Negara yang kini Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Ahmad Terrirudin Mohd Salleh dan bukan kepada Ketua Pengarah Jabatan Penjara.

"Dokumen itu juga tiada tandatangan Menteri Wilayah Persekutuan dan berbeza secara ketara dari segi format dan struktur berbanding perintah pembekalan awal," katanya.

Mohd Dusuki berkata, penghakiman minoriti oleh Mahkamah Rayuan (menolak rayuan Najib) adalah betul dalam mendapati tiada usaha sewajarnya dilakukan.

Katanya, Najib juga tidak cuba untuk menghubungi Istana Pahang bagi mengesahkan ketulenan dokumen tambahan yang dilampirkan bersama perintah utama pada 29 Januari 2024.



Najib Razak

Pada peringkat itu, Hakim Datuk Hanipah Farikullah men celah dan berkata, affidavit Mohd Nizar yang menyokong bukti baharu difailkan selepas keputusan Mahkamah Tinggi kerana beliau (Mohamad Nizar) perlu mendapatkan perkenan daripada Sultan Pahang untuk menggunakan salinan dokumen tambahan dalam prosiding mahkamah.

Bagaimanapun, Mohd Dusuki berkata, walaupun Najib berada di Penjara Kajang tetapi beliau dibenarkan menggunakan semua kemudahan untuk menghubungi pihak berkuasa.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah, Peguam Negara sepatutnya mempunyai akses dan kuasa yang diperlukan untuk mengesahkan perintah tambahan dengan Istana Pahang.

Beliau berkata, Jabatan Peguam Negara sudah pun mengetahui mengenai perintah tambahan itu memandangkan ia dialamatkan secara langsung kepada bekas Peguam Negara ketika itu.

Pendengaran rayuan di hadapan panel tiga Hakim Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hasmah Mohammed Hashim yang bersidang bersama-sama Datuk Zabariah Mohd Yusof dan Datuk Hanipah Farikullah bersambung 9 Julai ini.